

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7123**

**SOALAN :**

**YB Dr. Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- a) jumlah anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengikut jabatan, dan kaum warga PDRM; dan
- b) usaha PDRM dalam merekrut atau mengambil lebih ramai golongan muda untuk menyertai PDRM, dan juga bagi mengimbangi penyertaan pelbagai kaum, khususnya kaum Cina.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) **Jumlah keseluruhan pegawai dan anggota mengikut jabatan adalah seramai 113,666 orang. Di antara Jabatan yang mempunyai keanggotaan yang besar adalah Jabatan Pengurusan 46,006 orang, Jabatan KDN/KA 33,175 orang, Jabatan Siasatan Jenayah 10,561 orang dan Jabatan Logistik 9,872 orang. Sementara itu lain-lain jabatan mempunyai kekuatan kurang daripada (6,000) orang.**

**Pecahan jumlah pegawai dan anggota mengikut pecahan kaum dalam pasukan polis Melayu sebanyak 92,427 orang, Cina sebanyak 1,974 orang, India sebanyak 3,659 orang, Punjabi sebanyak 174 orang dan selebihnya lain-lain kaum.**

- (b) **Usaha yang dilakukan oleh PDRM untuk merekrut atau mengambil lebih ramai golongan muda untuk menyertai PDRM, dan juga bagi mengimbangi penyertaan pelbagai kaum adalah dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:**

- 1. Membuka permohonan jawatan melalui portal rasmi SPA secara ‘online’ mulai 20 Mac 2012. Calon-calon yang berminat boleh memohon jawatan yang ditawarkan mengikut**

**kelayakan akademik dan fizikal yang ditetapkan pada bila-bila masa dan di mana saja mereka berada.**

2. Membuat hebahan melalui Radio dan TV termasuk radio di negeri-negeri seluruh negara melalui saluran berbahasa Melayu, Cina, Tamil dan pelbagai kaum.
3. Hebahan melalui Balai-Balai Polis di seluruh negara.
4. Meminta Ketua-Ketua Polis Daerah seluruh negara menghubungi Persatuan-Persatuan Masyarakat Cina/India dan pelbagai kaum bagi membantu menghebahkan / menggalakkan belia-belia mereka untuk memohon jawatan di dalam PDRM.
5. PDRM juga menyertai *road show* yang dijalankan oleh Kerajaan/ NGO/ Persatuan-persatuan di dalam memberi penerangan berkaitan kerjaya di dalam PDRM.
6. PDRM juga dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan yang munasabah bagi mendapatkan kenaikan gaji dan elaun-elaun ke satu tahap yang berpatutan mengikut keadaan semasa untuk semua peringkat pangkat anggota Polis bagi menarik minat mereka.
7. Menyediakan kertas kerja bagi tujuan mengadakan pengambilan khas (*special intake*) dari semasa ke semasa.

**Pengambilan khas ini memerlukan calon-calon yang mahir  
lain-lain bahasa selain Bahasa Malaysia.**

**PDRM juga telah melaksanakan pengambilan khas kaum Cina untuk  
jawatan Inspektor, Sarjan dan Konstabel Lelaki dan Wanita. Bagi  
jawatan Inspektor dan Konstabel Lelaki, PDRM sedang melaksanakan  
temu duga di seluruh Malaysia manakala jawatan Konstabel Wanita,  
PDRM telahpun melantik seramai 179 orang pada 14 Sept. 2014 di  
PULAPOL Ayer Hitam.**